

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. **Apakah itu SKM?**

Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) adalah sijil kemahiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk membuktikan keterampilan dan kemahiran pekerja yang bekerja dalam bidang mengikut piawaian industri.

2. **Mengapa SKM bermanfaat?**

SKM diiktiraf oleh semua industri di Malaysia. Memiliki SKM juga dapat membuktikan bahawa anda layak dalam bidang anda mengikut piawaian industri.

3. **Apakah piawaian industri pada masa kini?**

Sila rujuk pada *Competency Profile Chart (CPC)* yang telah dilampirkan di Dokumen untuk Pendaftaran.

4. **Bagaimanakah untuk mendapatkan SKM?**

Terdapat beberapa kaedah untuk mendapatkannya. Baru-baru ini, JPK telah menawarkan satu kaedah Penilaian Amali di mana calon diminta untuk melakukan beberapa tugas amali yang diberikan kepadanya untuk membuktikan keterampilan dan kemampuan melaksanakan tugas tersebut.

5. **Siapakah ProAtec eSkill?**

Dilantik oleh JPK sebagai penyelaras dan pengatur sesi penilaian amali.

Tugas utama ProAtec eSkill adalah untuk menyediakan dan menyusun lokasi penilaian amali, menetapkan tarikh penilaian amali, menyediakan kemudahan, pendaftaran calon dan sebagainya.

6. **Terangkan lebih lanjut mengenai aliran Penilaian Amali?**

Pertama, calon harus memeriksa tarikh penilaian amali terlebih dahulu dan pastikan tugas-tugas amali boleh dilakukan. Selepas itu, sediakan dokumen pendaftaran dan serahkannya lebih kurang 30 hari awal sebelum tarikh penilaian amali. Buat bayaran.

Bayaran ke **PROATEC ESKILL (Public Bank : 3-1884646-29)**

Serahkan Dokumen Asli ke alamat **Lot 7371, Jalan Perusahaan Tupai, Kawasan Perindustrian Ringan Tupai, 34000 Taiping, Perak.**

ProAtec eSkill akan menyerahkan dokumen pendaftaran dan bayaran kepada JPK. Pengesahan tarikh sesi penilaian amali akan ditetapkan oleh JPK berdasarkan kejayaan pendaftaran dibuat.

ProAtec eSkill akan menghubungi calon melalui sms / WhatsApps / panggilan sekiranya pendaftaran berjaya dibuat.

Pada tarikh penilaian amali, calon perlu hadir dan dikehendaki melakukan tugas-tugas amali yang diberikan kepadanya di depan Pegawai Penilai Luaran (PPL) yang dilantik oleh JPK sebagai pengesah / saksi sepanjang sesi penilaian amali.

PPL juga berhak menemuduga calon pada masa penilaian amali dijalankan.

7. **Apa yang akan berlaku sekiranya calon gagal melaksanakan tugas?**

Ini adalah program SKM single-tier yang diluluskan oleh JPK, khas untuk membantu pekerja industri mendapatkan SKM Tahap 3. Sekiranya calon gagal melaksanakan tugas, beliau tidak dapat memperoleh apa-apa SKM. Oleh itu, kami menyeru calon untuk memahami aliran proses dan memastikan sama ada mampu melaksanakan tugas sebelum mendaftar.

ProAtec eSkill tidak akan membayar balik yuran pendaftaran kepada calon sekiranya gagal.

8. **Adakah SKM wajib?**

Dalam industri kenderaan bermotor, amat digalakkan untuk mendapatkan SKM.

Menurut Berita Harian pada 23 Januari 2018, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin menyebut bahawa mereka akan membentangkan rang undang-undang di mana semua bengkel kenderaan harus memiliki satu lesen khas jika ingin beroperasi. Satu syarat untuk memiliki lesen itu adalah bengkel perlu mempunyai mekanik yang berketerampilan mengikut kategori perkhidmatan.

9. Apakah syarat yang perlu ada jika calon ingin memohon SKM Tahap 3?

- Warganegara Malaysia
- Berumur 18 tahun dan ke atas
- Minimum 3 tahun pengalaman bekerja dan masih bekerja dalam bidang yang ingin dipohon

10. Apakah dokumen yang perlu disediakan jika calon ingin memohon SKM Tahap 3?

- Lengkapkan borang pendaftaran JPK PPT 1-6-2015
- Surat Pengesahan Pengalaman Kerja (ikut format yang ditetapkan)
- Salinan Kad Pengenalan
- SKM tertinggi yang pernah dimiliki (jika ada)

Semua borang dan surat boleh didapati di "dokumen untuk pendaftaran"

11. Apakah jaminan seseorang itu boleh lulus?

ProAtec eSkill tidak menjamin seseorang calon lulus. Calon harus terlebih dahulu memahami aliran proses dan memastikan sama ada beliau mampu melaksanakan tugas tersebut sebelum mendaftar program ini. Ikuti langkah dan soalan yang diberi dan siapkan tugas dalam masa yang ditetapkan di depan PPL merupakan salah satu kunci kejayaan memiliki SKM.

12. Adakah kaedah Penilaian Amali juga terbuka kepada SKM penyelenggaraan / servis kereta contohnya enjin kereta, lori, tayar dan penghawa dingin kereta?

Buat sementara waktu, melalui kaedah penilaian amali, ProAtec eSkill hanya menawarkan bidang-bidang seperti :

- TP-300:2013 TAHAP 3 Automotif Servis-Selepas Jualan
- TP-110 TAHAP 3 Penasihat Tuntutan Kenderaan Kemalangan
- TP-306:2012 TAHAP 3 Penyemburan Cat Automotif
- TP-311:2013 TAHAP 3 Pengetukan Panel Kenderaan
- K-651-002:2017 TAHAP 3 Perundingan Tuntutan Insuran/ Takaful Kenderaan Bermotor

Namun, calon yang berminat bagi bidang kenderaan bermotor (selain daripada di atas), boleh mendaftar melalui kaedah PPT biasa iaitu pembangunan profile.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.proatec.net > PPT Biasa (toolbar).